



## PROGRESSIVE INSURANCE BHD

Registration No : 197401001891 (19002-P)

### PA KELUARGA PROGRESSIVE POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI

#### Apakah produk ini?

Dengan Pelan PA Keluarga Progressive kami anda boleh melindungi orang kesayangan anda daripada penderitaan yang tidak diperlukan. Anda akan menikmati ketenangan jiwa dengan mengetahui mereka akan mempunyai jaminan kewangan apabila anda tidak boleh lagi menyediakan.

#### Ciri-ciri Istimewa:

##### Pelbagai Pilihan Yang Luas

Terdapat 24 pelan serta 4 pelan bagi kanak-kanak. Pelan-pelan ini direka untuk memenuhi keperluan dan bajet anda dan ia merangkumi dari Pelan perlindungan asas kepada yang dengan perlindungan komprehensif. Anda juga boleh menyertakan pasangan anda dan/atau anak dalam tanggungan yang sama. Suri rumah dan kanak-kanak tidak layak menerima faedah mingguan.

#### Perlindungan 24 Jam Seluruh Dunia

##### Permohonan Yang Mudah

Sekiranya anda rakyat Malaysia atau penduduk tetap dalam Malaysia, anda boleh memohon untuk Insurans ini. Anda perlu lengkapkan sahaja borang cadangan dan hantarkannya kepada kami atau Penasihat Insurans anda untuk memproses segera.

##### Lanjutan Perlindungan yang besar

- Penunggang motosikal
- Pengendorsan penerbangan atas pesawat / helikopter yang tidak berjadual
- Pengendorsan Rukun Tetangga
- Makanan dan minuman
- Pengendorsan memburu
- Pengendorsan penculikan
- Pengendorsan gigitan serangga, ular, binatang perosak, haiwan • Pengendorsan trauma rogol dengan had yang terhad
- Pengendorsan sokongan pemulihan denggi dengan had yang terhad
- Pengendorsan pampasan ragut dengan had yang terhad
- Pengendorsan pembunuhan tanpa provokasi, serangan atau mana-mana percubaan ancaman

#### Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi PA Keluarga Progressive anda akan memberi ganti rugi kepada anda dan/atau pasangan anda dan/atau anak-anak anda ke atas kecederaan anggota yang disebabkan Kemalangan, di mana kecederaan berkenaan adalah satu-satunya dan bukannya sebab-sebab lain yang mengakibatkan mereka mengalami kematian atau hilang upaya atau memerlukan rawatan perubatan dan/atau rawatan pembedahan atau jika berlakunya kematian, kepada waris anda yang dinamakan atau wakil diri anda yang sah bagi faedah-faedah berikut:-

#### HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Helaiian Pemberitahuan Produk (PDS) ini direka untuk memberikan anda dengan beberapa maklumat penting tentang insurans PA Keluarga Progressive anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda harus membacanya juga.

<b>Kematian akibat Kemalangan</b>	Pampasan sehingga amaun yang dimohon -Jumlah Modal Diinsuranskan sekiranya berlaku Kemalangan
<b>Kehilangan kekal atau ketidakupayaan</b>	Pampasan sehingga amaun yang dimohon – Jumlah Modal Diinsuranskan mengikut peratusan di dalam Jadual Faedah dan Pampasan bagi kehilangan anggota badan sekiranya berlaku Kemalangan
<b>Faedah mingguan bagi hilang Upaya kekal sementara</b>	Pampasan sehingga amaun yang dimohon – sehingga 52 minggu dari Tarikh Kemalangan jika anda tidak boleh sama sekali melakukan kerja anda sebagaimana disahkan oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan
<b>Belanja perubatan</b>	Pembayaran balik amaun yang dimohon bagi belanja perubatan dan klinik yang sebenar perlu dan munasabah ditanggung oleh anda berkaitan dengan mana-mana satu Kemalangan dan termasuk belanja Rawatan Tradisional maksimum RM200 setiap Kemalangan.
<b>Belanja Pengebumian</b>	Pampasan sehingga amaun yang dimohon sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan
<b>Belanja Pembakaran mayat dan/atau penghantaran pulang</b>	Pampasan sehingga amaun yang dimohon belanja pembakaran mayat dan/atau pembakaran mayat dan/atau penghantaran dalam menghantar mayat Orang yang Diinsuranskan pulang ke negara asal Ketika dia mengembara di luar negara asalnya sekiranya berlaku Kemalangan.
<b>Pendapatan hospital</b>	Pampasan secara harian, sehingga amaun yang dimohon untuk tempoh penghospitalan bagi rawatan kecederaan sehingga maksimum 180 hari.
<b>Pembedahan pemulihan gigi dan atau kosmetik</b>	Membayar sehingga amaun yang dimohon bagi pembedahan pemulihan kepada leher, kepala atau dada (pusat keatas) sekiranya berlaku Kemalangan
<b>Perkhidmatan ambulans</b>	Pembayaran balik sehingga amaun yang dimohon bagi belanja sebenar ditanggung sekiranya berlaku Kemalangan
<b>Peralatan ortopedik</b>	Membayar sehingga amaun yang dimohon kos sebenar membeli kerusi roda, anggota badan palsu dan tongkat ketiak sebagaimana disyorkan oleh doktor pakar/doktor bedah yang merawat.

#### Nota :

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

## Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin bergantung kepada pilihan pelan dan penggolongan kerja anda. Sila rujuk “**JADUAL FAEDAH, HAD PAMPASAN DAN KADAR PREMIUM**” yang disertakan di dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini.

## Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

JENIS	AMAUN
Cukai Perkhidmatan	8% dari premium
Duti Setem	RM10 bagi setiap polisi
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (Jika ada)	25% daripada premium

## Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

### Takrif Perkataan:

<b>Kemalangan</b>	Kejadian tiba-tiba, tidak diduga dan berlaku secara kebetulan.
<b>Kecederaan/kecederaan tubuh</b>	Kecederaan yang dialami oleh anda yang betul-betul dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan dan tidak termasuk kecederaan yang disebabkan oleh sakit, penyakit atau gangguan perubatan.
<b>Pasangan suami/isteri</b>	Suami/isteri anda yang sah semasa polisi ini berkuatkuasa.
<b>Anak-anak</b>	Anak kandung, anak tiri, anak angkat yang sah atau anak yang belum kahwin.
<b>Had Umur: Dewasa</b>	Dari lingkungan 18 tahun hingga 64 tahun. Didalam kes-kes pembaharuan polisi yang dibeli sebelum mencapai umur 65 tahun, perlindungan polisi boleh diteruskan sehingga mencapai umur 70 tahun.
<b>Kanak-kanak</b>	Dari lingkungan umur 15 hari hingga 17 tahun atau sehingga 23 tahun yang didaftarkan sebagai pelajar sepenuh masa sesebuah institusi pendidikan yang diakui, dengan syarat dia masih belum berkahwin dan tidak bekerja.

### Klasifikasi Pekerjaan

<b>Kelas 1</b>	Orang yang terlibat dengan kerja pentadbiran, pengurusan, pengkeranian dan bukan manual tanpa mengira pekerjaan.
<b>Kelas 2</b>	Orang yang terlibat dengan jenis kerja penyeliaan, perniagaan borong atau selalu mengembara dan yang tugas tidak memerlukan penggunaan perkakas atau jentera atau terdedah kepada sebarang bahaya tertentu.
<b>Kelas 3</b>	Orang yang terlibat dengan kerja jenis manual yang tidak beberapa berbahaya tetapi memerlukan penggunaan perkakas atau jentera (tetapi bukan jentera pertukangan kayu).

### Pekerjaan yang Dikecualikan

Askar	Pelombong
Anak kapal syarikat penerbangan	Minyak dan Gas luar persisir
Perobohan	Juruterbang
Juruselam	Sukan atau Perlumbaan
Nelayan	Pelaut
Penguatkuasa Undang-undang	Pemunggal muatan kapal
Pembalok	Membuat terowong
Tentera	Koresponden Perang

### Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### Pampasan/Tanggungian

Kami akan membayar pampasan diatas kematian atau kecederaan (kehilangan kekal atau ketidakupayaan) berpandu pada peratusan di dalam “Jadual Faedah dan Pampasan”. Walau bagaimanapun untuk rawatan perubatan, pampasan anda dikembalikan pada jumlah sebenar akibat subjek di dalam spesifikasi polisi ini. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi pembelanjaan perubatan.

### Pembayaran Sebelum Perlindungan (Guna pakai pada Individu sahaja)

Adalah asas dan mutlak pada keadaan khas dalam perjanjian Polisi dimana premium tamat tempoh mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh mula perlindungan. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi secara langsung polisi insurans ini tertatal.

### Fasal Tambahan Dan Pemotongan Automatik

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa tambahan bagi Orang yang Diinsuranskan akan secara automatic dilindungi di bawah Polisi ini hingga ke had yang ditetapkan di dalam Jadual dengan syarat notis setiap tambahan dimaklumkan oleh anda dalam masa 14 hari dari tarikh permulaan Polisi ini sekiranya guna tenaga dan premium yang sewajarnya dibayar. Pemotongan nama Orang yang Diinsuranskan akan juga berkuat kuasa dari Tarikh penamatan guna tenaga mereka. Tertakluk sebaiknya kepada terma dan syarat polisi ini.

### Fasal Pemberitahuan Kehilangan (60 Hari)

Polisi ini tidak akan dijejaskan oleh mana-mana kelewatan yang tidak disengajakan, kesilapan atau ketinggalan dalam memberitahu pihak Syarikat mana-mana keadaan atau peristiwa yang boleh menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini dengan syarat notis pemberitahuan haruslah diberikan kepada Syarikat dengan segera apabila kejadian itu datang kepada pengetahuan orang yang diinsuranskan tetapi tidak lewat daripada 60 hari dari tarikh kejadian berlaku. Tertakluk sebaliknya kepada terma, syarat dan pengecualian polisi ini.

### Fasal Pembayaran Akaun

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian di bawah insurans ini Syarikat akan membuat pembayaran atas account bagi kerugian tersebut kepada orang yang diinsuranskan yang diingini. Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat polisi ini.

### Tatacara Tuntutan

Anda mesti memberi notis kecederaan bertulis kepada kami dalam jangka masa yang ditetapkan di dalam polisi anda.

<b>Tuntutan Kematian</b>	Repot polis dan borang tuntutan harus diserahkan dengan semua dokumen menyokong seperti siji kematian dan permit pengebumian. Jika tiada pewaris dinamakan, orang yang bergantung pada orang yang sudah mati atau pentadbir harta pusaka orang sudah mati harus menyediakan bukti pergantungan atau surat pentadbiran.
--------------------------	--

<b>Tuntutan Kecederaan</b>	Anda mesti memberi notis kecederaan bertulis kepada kami dalam rangka masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda harus serahkan kepada kami borang tuntutan semua dokumen menyokong seperti laporan perubatan dan resit pembayaran bagi belanja hospital.
----------------------------	---

### Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan:

- Peperangan
- Pengganasan
- Sukan berisiko tinggi
- Dadah
- Keuzuran berkaitan AIDS/HIV
- Penyakit yang dijangkiti secara seksual

**Nota:** Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

### Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

### Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak syarikat insurans tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Ia juga adalah penting untuk memaklumkan pihak syarikat insurans tentang sebarang perubahan di dalam profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan usaha peribadi anda yang mana mungkin akan menjejaskan profil risiko anda.

### Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi insurans ini, sila rujuk kepada buku panduan info-insurans yang boleh didapati disemua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara anda atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

### Bagaimana kemukakan aduan dan tebus rugi yang ada?

Jika anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan kami atau anda tidak puas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh menulis atau menelefon Unit Aduan kami untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sekiranya anda masih tidak puas hati dengan keputusan kami, anda boleh juga tujukan aduan anda kepada sama ada:-

**Bank Negara Malaysia  
Laman Informasi Nasihat dan  
Khidmat (BNMLINK)**  
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,  
No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-21741515  
URL: [bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)  
SMS : 15888

**Perkhidmatan Ombudsman  
Pasaran Kewangan (FMOS)**  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2272 2811  
Fax: 03-2274 5752  
E-mail: [pertanyaan@fmb.org.my](mailto:pertanyaan@fmb.org.my)  
Website: [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Insurans PA Keluarga Progressive atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami: [www.progressiveinsurance.com.my](http://www.progressiveinsurance.com.my)

### PROGRESSIVE INSURANCE BHD (197401001891) (19002-P)

<b>HEAD OFFICE</b>	6 <sup>th</sup> , 9 <sup>th</sup> & 10 Floor, Menara Cosway, Plaza Berjaya, No. 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, P.O. Box 10028, 50700 Kuala Lumpur.	Tel: +603-2118 8000	Fax: +603-2118 8098
<b>KOTA KINABALU</b>	Ground & 7 <sup>th</sup> Floor, Wisma Perkasa, Jalan Gaya, P.O. Box 13936, 88845, Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: +6088-244 216	Fax: +6088-218 004
<b>KUCHING</b>	Sublot 11 & 12, Lots 9966 & 9967, First Floor, Premium 101, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching, P.O. Box 2749, 93754 Kuching, Sarawak.	Tel: +6082-572 019	Fax: +6082-572 013
<b>SANDAKAN</b>	1 <sup>st</sup> Floor, Lot 1, Block 3, Bandar Indah, Mile 4, North Road, 90000 Sandakan, Sabah	Tel: +6089-238 810	Fax: +6089-237 709
<b>JOHOR BAHRU</b>	No. 17-01, Jalan Kebun Teh 1, Pusat Perdagangan Kebun Teh, 80250 Johor Bahru, Johor.	Tel: +607-227 0992	Fax: +607-227 0996
<b>BUTTERWORTH</b>	2755, Ground & 1 <sup>st</sup> Floor, Jalan Chain Ferry, Taman Inderawasih, 13600 Prai, Seberang Prai Tengah, Penang.	Tel: +604-397 7128	Fax: +604-397 7126
<b>MELAKA</b>	13-A, Jalan Melaka Raya 24, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka.	Tel: +606-288 3831	Fax: +606-288 3832
<b>ALOR SETAR</b>	No. 223, Tingkat Dua, Jalan Gangsa, Taman Perindustrian Ringan Kristal, 05150 Alor Setar.	Tel: +604-7339846	Fax: +604-7339691

#### NOTA PENTING:

**ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMAHAMI PERATUSAN FAEDAH YANG DIBAYAR BAGI KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN DAN KEHILANGAN KEKAL ATAU KETIDAKUPAYAAN DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA JUGA DINASIHATKAN MENAMAKAN PEWARIS DAN MEMASTIKAN PEWARIS ANDA TAHU MENGENAI POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))

Informasi yang disediakan dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 01.01.2026

PA KELUARGA PROGRESSIVE POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI		JADUAL FAEDAH DAN PAMPASAN	
FAEDAH		PAMPASAN	
A.	Kematian akibat Kemalangan	Jumlah Modal bagi kematian yang ditetapkan di dalam Jadual	
B.	Kehilangan Kekal atau Ketidakupayaan sebagaimana ditentukan di bawah	Jumlah yang sama dengan peratusan Jumlah Modal yang Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual. Peratusan yang kena bayar ditunjukkan di bawah bagi setiap faedah, tetapi tidak melebihi 100% bagi setiap Orang yang Diinsuranskan:	
B1	Ketidakupayaan menyeluruh dan kekal kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan apa-apa jenis pun.	100%	
B2	Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi semua penglihatan pada satu mata atau kedua-dua mata.	100%	
B3	Kehilangan menyeluruh kerana pemutusan fizikal atau kehilangan menyeluruh dan kekal bagi penggunaan: a. Satu atau dua tangan dan kaki b. Satu atau dua tangan c. Lengan di atas siku d. Lengan pada atau di bawah siku e. Kaki di atas lutut f. Kaki pada atau di bawah lutut	100% 100% 100% 100% 100% 100%	
B4	Hilang akal menyeluruh kekal.	100%	
B5	Kehilangan menyeluruh dan kekal: a. Penglihatan satu mata kecuali persepsi Cahaya b. Kanta satu mata	50% 50%	
B6	Kehilangan menyeluruh kerana pemutusan fizikal atau kehilangan menyeluruh dan kekal bagi penggunaan: a. Ibu jari dan empat jari bagi satu tangan b. Empat jari bagi satu tangan c. Ibu jari (dua falanks) d. Ibu jari (satu falanks) e. Jari terlunjuk (tiga falanks) f. Jari terlunjuk (dua falanks) g. Jari terlunjuk (satu falanks) h. Jari hantu (tiga falanks) i. Jari hantu (dua falanks) j. Jari hantu (satu falanks) k. Jari manis (tiga falanks) l. Jari manis (dua falanks) m. Jari manis (satu falanks) n. Jari kelingking (tiga falanks) o. Jari kelingking (dua falanks) p. Jari kelingking (satu falanks) q. Semua jari bagi satu kaki r. Ibu jari (dua falanks) s. Ibu jari (satu falanks) t. Mana-mana jari kaki lain	70% 45% 25% 10% 15% 8% 4% 10% 4% 2% 8% 4% 2% 6% 3% 2% 17% 5% 2% 3%	
B7	Kehilangan menyeluruh dan kekal bagi: a. Pendengaran dua telinga b. Pendengaran satu telinga c. Pencakapan	75% 25% 60%	
B8	Mana-mana ketidakupayaan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain kehilangan deria rasa dan bau.	Peratusan sedemikian yang akan kami ditaksir yang menurut penasihat kami selaras dengan peratusan yang dinyatakan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Orang yang Diinsuranskan.	
C.	Ketidakupayaan Menyeluruh Sementara kerana terlibat dalam atau melaksanakan pekerjaan yang biasa.	Faedah mingguan yang ditentukan di dalam Jadual	Bagi tempoh tidak melebihi 52 minggu daripada Faedah Pertama yang berlaku.
D.	Belanja Perubatan Fi perubatan, pembedahan, rumah jagaan dan kejururawatan atau caj ditanggung semestinya dalam 104 minggu dari berlakunya kecederaan, dengan syarat semua fi atau caj demikian ditanggung semestinya dan dengan munasabah untuk perkhidmatan professional daripada pengamal perubatan, doktor, doktor bedah atau jururawat, Doktor Cina/"Bonesetter" yang berkelayakan sepenuhnya dan berdaftar dan/atau hospital yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan, doktor atau doktor bedah sedemikian.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan yang dinyatakan bagi Belanja Perubatan di dalam Jadual selain daripada rawatan oleh Doktor Cina / " Bonesetter" sekiranya amaun yang perlu dibayar tidak melebihi RM200,000 berkaitan dengan mana-mana satu kecederaan. Jumlah Diinsuranskan ini Adalah had bagi mana-mana satu Tempoh Insurans.	

E.	Elaun Pengebumian sekiranya Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan)	Jumlah Modal Diinsuranskan yang ditentukan bagi Elaun Pengebumian.
F.	Belanja Pembakaran Mayat dan/atau Penghantaran Pulang. Ditanggung semestinya dan sewajarnya oleh akaun beresit dari pengurus mayat/pengangkut Syarikat penerbangan sekiranya Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan)	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan yang di tentukan bagi Pembakaran Mayat dan/atau Penghantaran Pulang bagi setiap Orang Diinsuranskan bagi kos ditanggung berkaitan dengan penghantaran mayat Orang Diinsuranskan dari mana-mana dalam dunia ke tempat kediamannya dalam Malaysia. Jumlah Diinsuranskan Adalah had mana-mana satu tempoh insurans.
G.	Pendapatan Hospital Faedah harian bagi tempoh yang Orang Diinsuranskan ditahan di dalam hospital bagi rawatan Kecederaan bagi tempoh tidak melebihi 180 hari.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual dari Tarikh permulaan Faedah ini berkaitan dengan mana-mana satu kecederaan bagi setiap Orang Diinsuranskan. Jumlah Diinsuranskan Adalah had mana-mana satu tempoh Insurans.
H.	Pembedahan Pemulihan Gigi/Kosmetik Fi dan caj perubatan, pembedahan, rumah jagaan dan kejurawatan ditanggung semestinya dalam masa 52 minggu berlakunya kecederaan bagi pembedahan pemulihan gigi dan/atau kepada leher, kepala atau dada (pusat ke atas), dengan syarat yang semua fi dan caj demikian ditanggung semestinya dan sewajarnya bagi perkhidmatan professional daripada pengamal perubatan, doctor, doctor bedah atau jururawat yang berkelayakan penuh dan berdaftar dan/atau di hospital yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan, doctor atau doctor bedah sedemikian.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Diinsuranskan yang ditentukan di dalam Jadual bagi mana-mana satu Orang Diinsuranskan. Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana satu tempoh Insurans.
I.	Fi Ambulans Ditanggung perlu dan munasabah bagi penggunaan kecemasan perkhidmatan ambulans sekiranya berlaku kemalangan.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Diinsuranskan sebagaimana ditentukan di dalam Jadual. Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana tempoh Insurans.
J.	Pembelian Peralatan Ortopedik Ditanggung perlu dan munasabah bagi pembelian kerusi roda, lengan atau kaki palsu dan tongkat ketiak sebagaimana disyorkan oleh doctor dan/atau doctor bedah yang menjaga sekiranya berlaku kemalangan.	Pembayaran balik sehingga Jumlah Modal Diinsuranskan sebagaimana ditentukan di dalam Jadual bagi mana-mana satu Orang Diinsuranskan. Jumlah Diinsuranskan adalah had mana-mana satu tempoh Insurans.

### Had Pampasan berkait dengan mana-mana Orang yang Diinsuranskan

1. Kami tidak akan membayar bagi:
  - (a) Mana-mana Kemalangan spesifik di bawah Faedah B apabila bagi Kemalangan yang sama pampasan yang lebih besar dibayar bagi bahagian lain Faedah B yang termasuk Faedah yang spesifik itu.
  - (b) Faedah A di samping mana-mana Faedah B jika disebabkan oleh Kemalangan yang sama, kecuali jika pembayaran telah dibuat di bawah mana-mana Faedah B dan kematian berlaku selepasnya yang hanya disebabkan oleh dan dalam masa 52 minggu Kemalangan, maka kami akan membayar mana-mana perbezaan jika pampasan kena bayar bagi Faedah A lebih besar daripada yang telah dibayar bagi Faedah B.
  - (c) Lebih daripada 100% Jumlah Modal bagi Faedah A atau Faedah B (mengikut mana-mana yang lebih besar) dalam satu-satu Tempoh Insurans dalam agregat bagi mana-mana satu atau semua faedah bagi mana-mana Orang Diinsuranskan.
  - (d) Keputusan B1 sehingga satu tahun selepas terjadinya peristiwa.
  - (e) Faedah B8 sehingga jumlah amaun pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.
2. Pampasan kena bayar bagi Faedah A dan B hendaklah dikurangkan oleh amaun mana-mana Faedah Mingguan yang telah pun dibayar di bawah Faedah C (ketidakupayaan menyeluruh sementara).
3. Faedah Mingguan tidak akan dibayar:
  - (a) bagi mana-mana tempoh masa selepas kematian Orang yang Diinsuranskan dan selepas Pampasan menjadi kena bayar dibawah mana-mana bahagian Faedah B.
  - (b) kedua-dua Faedah C dan D bagi tempoh ketidakupayaan yang sama.
4. Faedah Mingguan bagi Faedah C hendaklah dibayar apabila jumlah amaun telah dipersetujui, atau mengikut permintaan Orang yang Diinsuranskan pada jarak waktu tidak kurang daripada empat minggu (tetapi tidak terlebih dahulu) bermula empat minggu selepas penerimaan notis bertulis oleh kami tentang kecederaan berkenaan.
5. Tiada yang akan dibayar berkait Faedah D jika terdapat mana-mana insurans lain yang berkuat kuasa yang melindungi kerugian atau jika Orang yang Diinsuranskan berhak untuk menanggung rugi daripada mana-mana sumber lain, dengan syarat Syarikat tidak akan dilepaskan liabiliti di bawah Faedah ini berkait dengan mana-mana lebihan amaun yang kena bayar di bawah insurans atau indemniti sedemikian.

### Had Pampasan Keseluruhan

Jika terdapat lebih daripada seorang Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, liabiliti agregat maksimum kami berkait dengan semua Orang yang Diinsuranskan yang terbang dalam sebuah kapal terbang atau kenderaan pengangkutan darat atau kapal hendaklah tidak melebihi Had Konveyans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi atau agregat amaun Pampasan yang kena bayar berkait dengan Orang yang Diinsuranskan, mengikut mana-mana yang kurang.

Sekiranya amaun agregat semua tuntutan bagi kecederaan Orang yang Diinsuranskan yang bergerak dalam satu kovensyens melebihi Had Konveyans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, liabiliti Syarikat berkait dengan setiap Orang yang Diinsuranskan adalah berkadar dengan Faedah belum bayar berkait dengan Orang yang Diinsuranskan